



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN**  
(FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)  
ARAS 4, MENARA PRISMA  
NO. 26, JALAN PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA



Tel. : 603 - 8885 0797  
Faks : 603 - 8885 0769  
E-mail : fsq-division@moh.gov.my  
<http://fsq.moh.gov.my>

Ruj Kami: KKM.600-19/8/23 JLB 4 (6)

Tarikh : 2 Disember 2016

**Vet Food Agro Diagnostics (M) Sdn Bhd**  
(No SAMM: 374)  
Lot 18B, Jalan 241  
Seksyen 51A  
46100 Petaling Jaya  
Selangor

Tuan,

**PERLANJUTAN BAGI PENGIKTIRAFAN MAKMAL SWASTA OLEH  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TUJUAN ANALISIS MAKANAN  
UNTUK PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Terlebih dahulu Bahagian ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada makmal tuan kerana berjaya mengekalkan akreditasi ISO/IEC 17025 yang diperolehi dari Jabatan Standard Malaysia (DSM) di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM).

3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini mewakili **Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju melanjutkan pengiktirafan** kepada makmal tuan bagi tujuan analisis makanan untuk pengeluaran Sijil Kesihatan berkuatkuasa serta-merta bagi **tempoh sehingga 3 Oktober 2019** seperti mana tempoh sah laku Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang dikemukakan kepada Bahagian ini. Skop analisis yang diiktiraf oleh KKM adalah terhad kepada **jenis ujian makanan mengikut bidang pengujian berdasarkan skop akreditasi ISO/IEC 17025 yang dikeluarkan pada 21 Julai 2016**. Sebarang penarikan balik akreditasi oleh DSM akan menyebabkan pengiktirafan ini adalah terbatal secara automatik.

4. Bagi memastikan makmal tuan terus mendapat pengiktirafan oleh KKM, pihak tuan perlu mengemukakan permohonan melanjutkan pengiktirafan sebelum tamat tempoh dengan mengemukakan salinan Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang terkini. Sebarang penambahan skop akreditasi juga perlu dimaklumkan untuk mendapatkan pengiktirafan bagi jenis ujian di dalam penambahan skop akreditasi tersebut.

.../2

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)




PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : AR 5643

5. Untuk makluman pihak tuan, **KKM akan menjalankan audit pihak kedua (*second party audit*) di makmal tuan pada bila-bila masa yang diperlukan.** KKM adalah berhak menarik balik pengiktirafan ini sekiranya pihak makmal gagal mematuhi syarat atau tidak berpuas hati dengan prestasi makmal.
6. Makmal juga perlu mengemukakan **laporan analisis sampel yang dijalankan bagi pengeluaran sijil kesihatan sahaja** kepada Bahagian ini setiap enam (6) bulan. Laporan Januari-Jun perlu dikemukakan pada atau sebelum minggu kedua bulan Julai manakala laporan Julai-Disember perlu dikemukakan pada atau sebelum minggu kedua bulan Januari tahun berikutnya.
7. Senarai makmal yang masih sah laku pengiktirafan oleh KKM untuk analisis makanan bagi pengeluaran Sijil Kesihatan boleh didapati di laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my/v5>. **Sekiranya tiada permohonan dari pihak makmal untuk melanjutkan pengiktirafan, nama makmal akan dikeluarkan dari senarai dalam tempoh 14 hari selepas tempoh tamat.**
8. Bahagian ini berharap agar pihak tuan sentiasa memastikan tahap kecekapan makmal yang tinggi bagi mengeluarkan keputusan analisis yang boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.
9. Segala pertanyaan lanjut sila hubungi pegawai kami, Puan Sharifah Zatil Aqmar binti Syed Mustafa di talian 03-8885 0797 sambungan 4324 atau emel ke [sharifah.zatil@moh.gov.my](mailto:sharifah.zatil@moh.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(SHAMSINAR BINTI ABDUL TALIB)**

b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia